

C Lengkapkan ayat dengan peribahasa yang betul. Menulis : TP3

- ✦ berani kerana benar, takut kerana salah
- ✦ ingat sebelum kena, jimat sebelum habis
- ✦ seperti orang mengantuk disorongkan bantal
- ✦ berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- ✦ ikut resmi padi, semakin berisi semakin tunduk
- ✦ melentur buluh biarlah daripada rebungnya

- 1 Kita harus berbelanja dengan hemat dan mengelakkan keborosan kerana _____
_____.
- 2 Rafi yang dituduh mencuri buku kawannya membenarkan guru kelas memeriksa beg sekolahnya kerana _____
_____.
- 3 Walaupun Fairuz berjaya dalam pelajarannya dan berjawatan tinggi sekarang tetapi dia tidak pernah sombong diri. Dia diibaratkan seperti _____
_____.
- 4 Zahid diibaratkan _____
kerana mendapat cabutan bertuah berupa sebuah kereta Honda Civic yang diidamkan selama ini.
- 5 Penduduk Kampung Harmoni saling bekerjasama dan bantu-membantu semasa melakukan sesuatu perkara. Mereka ini diibaratkan seperti _____
_____.
- 6 Mak Jah mendidik anak-anaknya melakukan kerja rumah sejak kecil lagi kerana _____
_____.